



Sukan Komanwel XXI


33

Gold Coast 2018


1 PEMAIN hoki England, Sophie Bray melompat bagi mengelak pukulan daripada pemain India, Deep Grace Ekka dalam perlawanan hoki wanita antara England dengan India dalam Sukan Komanwel Gold Coast. - AFP



2 PELOMPAT tinggi negara, Lee Hup Wei berjaya melakukan lompatan setinggi 2.21 meter dalam acara lompat tinggi lelaki di Carrara Sports and Leisure Centre. - BERNAMA



3 AKSI memukau ditunjukkan atlet gimnastik artistik wanita Australia, Alexandra Eade bagi acara akhir senaman lantai wanita di Stadium Tertutup Coomera. - AP




4 ARIARNE TITMUS dari Australia bersaing dalam acara akhir renang 800 meter gaya bebas wanita di Pusat Akuatik Optus. - AFP



5 DUA petugas Sukan Komanwel Gold Coast menyaksikan atlet Australia, Taylor Doyle melakukan lompatan dalam acara akhir lompat jauh wanita T38 di Stadium Carrara. - AFP



6 LAUREL HUBBARD dari New Zealand menahan kesakit selaras gagal mengangkat beban bagi acara snatch kategori 90 kilogram weightlifting wanita akhir pada Sukan Komanwel Gold Coast. - AP



7 SEBAHAGIAN penonton menyaksikan perlawanan pentuan pingat gangsa perseorangan wanita antara Ratu Skua Negara, Datuk Nicol David (kiri) dan Tesni Evans dari Wales di Oxford Studio. - UTUSAN



AKSI MALAYSIA HARI INI

BADMINTON

BEREGU WANITA (PUSINGAN 32 AKHIR)

■ Malaysia lwn Zambia - 5.25 petang

BEREGU LELAKI (PUSINGAN 32 AKHIR)

■ Malaysia lwn Trinidad dan Tobago - 6 petang

BOLING PADANG

PERSEORANGAN LELAKI (SEKSYEN C)

■ (Pusingan 3) Muhammad Soufi Rusli lwn Dalton Tagelagi (Niue) - 7 pagi

■ (Pusingan 4) Muhammad Soufi Rusli lwn Edward Bell (Samoa) - 10 pagi

PAIR WANITA (PUSINGAN 2)

■ Malaysia lwn Cook Islands - 7 pagi

TRIPLE WANITA (PUSINGAN 3)

■ Malaysia lwn Scotland - 4 petang

FOUR LELAKI (PUSINGAN 2)

■ Malaysia lwn Fiji - 5 petang

HOKI

LELAKI (PERINGKAT KUMPULAN)

■ Malaysia lwn India - 7.30 pagi

MENEMBAK

50M RIFLE PRONE LELAKI (KELAYAKAN)

■ Muhammad Ezuan Nasir Khan - 7 pagi

25M PISTOL WANITA (KELAYAKAN)

■ Bibiana Ng Pei Chin

■ Alia Sazana Azahari - 7 pagi

PING PONG

PERSEORANGAN LELAKI

■ (Kumpulan 3) Leong Chee Feng lwn Yuvraaj Dookram (Guyana) - 7.30 pagi

■ (Kumpulan 13) Muhammad Ashraf Haiqal Muhamad Rizal lwn Carlton Daniel (St. Vincent dan Grenadines) - 9.30 pagi

■ (Kumpulan 17) Javen Choong lwn Devesh Hukmani (Belize) - 9.30 pagi

■ (Kumpulan 1) Mohamad Azwar Bakar lwn Ian Kent (Canada) - 11.30 pagi

■ (Kumpulan 3) Leong Chee Feng lwn Felix Lartey (Ghana) - 4.30 petang

■ (Kumpulan 17) Javen Choong lwn Colin Dalgleish (Scotland) - 6.30 petang

■ (Kumpulan 13) Muhammad Ashraf Haiqal Muhamad Rizal lwn Kane Watson (Jamaica) - 6.30 petang

PERSEORANGAN WANITA

■ (Kumpulan 6) Ho Ying lwn Neema Mwaisyula (Tanzania) - 7.30 pagi

■ (Kumpulan 8) Trenace Lowe (Guyana) lwn Karen Lyne - 8.50 pagi

■ (Kumpulan 9) Alice Chang Li Sian lwn Halima Nambozo (Uganda) - 8.50 pagi

■ (Kumpulan 8) Li Xuan (Fiji) lwn Karen Lyne - 3.10 petang

■ (Kumpulan 6) Ho Ying lwn Natalie Cummings (Guyana) - 5.10 petang

■ (Kumpulan 9) Alice Chang Li Sian lwn Anna Hursey (Wales) - 5.50 petang

RENANG

50M GAYA BEBAS WANITA 58 (KEKURANGAN ANGGOTA) (SARINGAN 1)

■ Carmen Lim - 9.05 PAGI

SQUASHY

BEREGU WANITA (KUMPULAN A)

■ Joelle King-Amanda Landers-Murphy (New Zealand) lwn Rachel Arnold-Sivasangari - 9.45 pagi

BEREGU CAMPURAN (KUMPULAN F)

■ Aifa Azman-Sanjay Singh Chai lwn Charlotte Knaggs-Kale Wilson (Trinidad dan Tobago) - 10.30 pagi

■ Rachael Grinham-Ryan Cuskelly (Australia) lwn Aifa Azman-Sanjay Singh Chai - 4.45 petang

BEREGU LELAKI (KUMPULAN H)

■ Nafizwan Adnan-Ivan Yuen lwn Othniel Bailey-Omari Wilson (St. Vincent dan Grenadines) - 5.30 petang

CORAT-CORET

Gold Coast makin panas

SEJAK seminggu lalu, cuaca di Gold Coast sekejap panas sekejap hujan, kini musim luruh di sini mula semakin panas berikutnya peningkatan suhu.

Jika sebelum ini agak sedikit antara 24 hingga 26 derjah celsius, suhu mula meningkat mulai minggu ini

kepada antara 28 hingga 30 derjah celsius dan dijangka terus meningkat.

Tapi suhu di sini masih tidak begitu panas berbanding di Malaysia. Cuma kelebihan di sini ialah cuaca panasnya sentiasa berangin sebab terletak di tepi pantai.

Basikal ganti motosikal

UNTUK melihat motosikal di atas jalan raya di sini memang sukar. Hanya sekali-sekala kelihatan. Itu pun jenis motosikal berkuasa tinggi.

Ternyata orang tempatan lebih suka berbasikal atau menggunakan pe-

ngangkutan awam kerana masalah utama adalah untuk mendapatkan tempat letak kenderaan di sini.

Itu sebabnya, kereta juga tidak banyak kelihatan sepanjang temasya Sukan Komanwel ini.

Venue tiada tempat parkir

SETIAP venue pertandingan di sini tidak disediakan tempat letak kereta sepanjang temasya kali ini. Maka semua orang terpaksa menaiki pengangkutan awam atau bas yang disediakan.

Bagi pihak media terutama membabitkan kru televisyen, mereka terpaksa mengangkut peralatan ma-

sing-masing berbanding biasanya membawa kenderaan dan meletakkannya betul-betul di depan venue.

Jadi mereka kena 'menapak' ke mana sahaja kereta hendak menyewa kereta pun tiada gunanya. Kecuali mereka upah seorang pemandu atau sewa teksi terus untuk ke venue.

Acara pertandingan di sini tidak disediakan



RAYZAM SHAH WAN SOFIAN (dua dari kanan) beraksi dalam acara 110m lari berpagar lelaki pusingan pertama pada Sukan Komanwel di Stadium Carrara, Gold Coast, semalam. Beliau menduduki tempat keenam dengan catatan masa 14.03s.

Insiden gesel musnah impian

GOLD COAST 9 APRIL

INSIDEN bergesel dengan peserta dari England memusnahkan impian Rayzam Shah Wan Sofian untuk beraksi dalam pusingan akhir acara lari berpagar 110m.

Bermula dengan baik di lorong kedua dalam saringan kedua peringkat kelayakan, larian Rayzam Shah terganggu di pertengahan perlumbaan apabila tangannya bergesel dengan David King yang berlari di lorong ketiga.

Hasilnya dia hanya mampu melepas garisan penamat dengan masa 14.03 saat, jauh



Saya sudah berusaha yang terbaik. Catatan 14.03s sangat mengecewakan saya tetapi itu sahaja yang termampu."

RAYZAM SHAH WAN SOFIAN

dari pada catatannya 13.83s ketika memenangi pingat emas Sukan SEA Ogos lalu. Catatan terbaik peribadinya pula adalah 13.67s yang merupakan rekod kebangsaan.

Saringan itu dimenangi oleh Hansle Parchment dari Jamaika dengan masa 13.30s diikuti rakan senegaranya Ronald Levy (13.35s) manakala Milan Trajkovic (13.36s) dari Cyprus ketiga.

Tiga peserta daripada setiap saringan di pusingan pertama layak secara automatik ke pusingan akhir dengan tambahan dua peserta terpantas seterusnya. Daripada dua saringan, Rayzam menduduki tempat ke-12 keseluruhan.

Rayzam Shah berkata, dia yakin peluangnya untuk ke

#FAKTA
14.03
SAAT

Jauh daripada catatannya 13.83s ketika memenangi pingat emas Sukan SEA Ogos lalu.

pusingan akhir mampu dicapai dan matlamatnya dalam pusingan awal adalah menduduki tempat ketiga. "Saya sudah berusaha yang terbaik. Catatan 14.03s sangat mengecewakan saya tetapi itu sahaja yang termampu."

"Permuulaan saya agak baik tetapi bergesel dengan atlet England di pagar ketiga. Insiden itu menyebabkan fokus saya terganggu dan rentak larian mula terjejas," kata atlet dari Sabah itu.

Keith 'tenggelam' dalam kedudukan pertama

GOLD COAST 9 April – Keith Lim menyamai catatan peribadi terbaiknya, malah menduduki tempat pertama di peringkat saringan, namun kecemerlangan tersebut tidak cukup untuk membolehkan perenang negara itu mara ke separuh akhir acara 50 meter gaya bebas lelaki Sukan Komanwel di Pusat Akuatik Optus hari ini.

Keith memenangi saringan kelima dengan catatan 23.33 saat, namun dia mencatat masa ke-22 keseluruhan iaitu 0.92s ketinggalan daripada slot separuh akhir yang memberarkan 16 peserta.

"Saya tidak mahu merungut kerana hari ini saya berjaya menyamai catatan peribadi terbaik, malah saya tidak pernah berenang sepanjang ini sejak Sukan SEA tahun lalu."

"Jadi, saya puas hati dengan catatan yang dilakukan hari ini, namun tidak gembira dengan prestasi yang dilakukan dalam saingan 100m gaya bebas Ahad lalu. Saya kena bekerja lebih keras untuk memperbaiki masa," katanya.

Sementara itu, seorang lagi perenang negara yang turun beraksi hari ini, Caroline Chan

XXI COMMONWEALTH GAMES



KEITH LIM (tiga dari kanan) menduduki tempat pertama di peringkat saringan namun gagal mara ke separuh akhir acara 50 meter gaya bebas lelaki Sukan Komanwel. - REUTERS

mengambil bahagian.

Agak mengecewakan kerana catatan masa yang dibuat Caroline itu jauh lebih buruk daripada masa terbaiknya tahun ini iaitu 28.85s.

Eok adalah hari terakhir acara renang Sukan Komanwel dan

Malaysia menutup kempen tanpa memenangi sebarang pingat.

Pencapaian terbaik perenang negara adalah menerusi Tern Jian Han dan Welson Sim yang berjaya melayakkan diri ke final acara 50m kuadrenge dan 400m gaya bebas lelaki.

Air mata kekecewaan Johnathan Wong atas kegagalan



JOHNATHAN WONG mengakui berdepan masalah apabila membiodik 570 mata berbanding sekitar 577-580 ketika berlatih.

peserta pertama tersingkir daripada pusingan akhir selepas hanya mengumpul 112.0 mata dalam sesi pertama.

Acara itu akhirnya dimenangi oleh wakil India, Jitu Rai yang mencipta rekod baharu pusingan akhir temasya dengan 214.3 mata.

Dia mengalahkan Kerry Bell dari Australia yang mengumpul 233.5 mata dalam pusingan merebut emas manakala rakan dilakukannya ketika berlatih.

pemenang emas Sukan SEA tahun lalu adalah sandaran utama negara untuk meraih pingat di Gold Coast tetapi prestasinya hari ini sangat mengecewakan.

"Tembakan kedua lebih baik namun peserta lain sudah berada jauh di depan dan tidak mungkin dapat dikejar walaupun saya mencuba sehabis baik. Terima kasih kepada semua yang menyokong saya, pegawai yang berada di sini dan rakyat Malaysia yang menonton. Saya minta maaf atas persembahan saya," katanya yang dilihat mengalirkan air mata.

Jelasnya, masalah dihadapinya dalam pusingan kelayakan menyebabkan dia hanya mampu membiodik 570 mata berbanding sekitar 577-580 yang kerap dilakukan ketika berlatih.

"Walaupun ini bukan acara kegemaran tetapi apa yang berlaku tetap mengecewakan. Saya perlu bangkit," katanya.

Layak ke pusingan akhir selaku peserta ketiga terbaik selepas mengumpul 570 mata, di belakang Om Mitharval dari India yang membiodik 584 mata untuk menyamai rekod temasya dan jaguh Trinidad & Tobago, Roger Daniel yang mengutip 572 mata, Jonathan bagaimanapun seolah-olah hilang sentuhan dalam persaingan lapan peserta kemudiannya dan dia begitu kecewa sehingga tidak dapat menahan air mata.

Bekas juara Asia itu menjadi